

Jangan sertai rombongan PM jika tidak serius — Tajudin

UM 15 MAR 2000

Oleh ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 14 Mac — Ahli-ahli perniagaan yang tidak serius ketika mengikuti rombongan Perdana Menteri ke luar negara tidak perlu lagi menyertainya di masa hadapan, kata Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NC-CIM), Tan Sri Tajudin Ramli.

Menurutnya, ahli-ahli perniagaan yang tidak menyertai mesyuarat dan program lawatan dalam rangka kunjungan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Indonesia baru-baru ini telah memalukan negara dan mengecewakan Indonesia.

“Harapan daripada kerajaan dan rakyat Indonesia amat tinggi. Beberapa orang wartawan di sana

telah menyatakan bahawa mereka mempunyai harapan yang amat tinggi.

“Jadi kalau ahli perniagaan kita tidak dapat mengambil sikap yang telah Tun (Daim Zainuddin) sebut, tak banyak yang dapat kita lakukan,” katanya dalam satu pertemuan dengan *Utusan* di sini hari ini.

Ulasan itu adalah yang perta-

ma dibuat oleh Tajudin selepas Daim membidas sikap ahli perniagaan Malaysia yang memalukan negara dengan tidak menghadiri perjumpaan perniagaan yang dirancang dengan ahli perniagaan Indonesia.

Menteri Kewangan yang marah dan kecewa menyatakan sebahagian besar daripada ahli-ahli

■ Lihat muka 4

Jangan sertai rombongan PM jika tidak serius — Tajudin

UM 15 MAR 2000

perniagaan itu lebih suka bermain golf dan berkaraoke daripada menjalankan urusan perniagaan secara serius.

Menurut Tajudin, beliau bersetuju dengan pandangan Daim itu dan memberi contoh satu lawatan yang telah diatur ke sebuah tapak perindustrian di negara itu diberi sambutan yang mengecewakan oleh ahli perniagaan tempatan.

“Mereka membuat persiapan untuk membawa ratusan orang (ahli perniagaan Malaysia), tetapi yang muncul hanya lima orang,” katanya.

Beliau bagaimanapun menyatakan, sikap sambil lewa itu mungkin timbul kerana terdapat ahli perniagaan yang tidak begitu yakin dengan keupayaan Indonesia untuk kembali semula mencatat perkembangan ekonomi yang pesat.

Katanya, perniagaan juga sukar dijalankan di negara itu kerana terdapat banyak gangguan dan ketidak tentuan yang menjejaskan persekitaran perniagaan.

“Ada negara yang tidak memiliki sistem dan perundangan yang sesuai bagi menggalakkan perniagaan,” ujar beliau.

Tajudin bagaimanapun menyatakan, apa yang Daim katakan mengenai “ke karaoke dan bermain golf” tidak boleh diambil secara langsung.

“Isu ini mungkin tidak timbul jika mereka (ahli perniagaan) pergi bermain golf atau berkaraoke tetapi menghadirkan diri apabila ada perjumpaan dan membuat tindakan susulan,” katanya lagi.